

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1973

BAYARAN PREMIUM TAMBAHAN BAGI MAKSUD MENUKAR SYARAT PENGUNAAN TANAH MILIKI KEPADA JENIS TANAMAN-TANAMAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH RANCANGAN TANAM SEMULA

Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Utama, Malaysia telah meminta kerajaan negeri ini menimbangkan perkara di atas, mengikutnya pada 30 hb Jun 1972, 1710 permohonan-permohonan mengandungi 8000 ekar tanah untuk bantuan tanaman semula telah tidak dapat diproses oleh sebab di dalam suratan hakmilik nya jenis tanaman yang dibenarkan adalah berlainan daripada jenis tanaman yang hendak ditanam semula. Oleh iu terpaksa tuan tanah memohon supaya syarat nyata hakmilik tanah itu dipinda kepada jenis tanaman yang hendak ditanam semula itu di bawah Sek. 124 K.T.N. Banyak di antara pemohon-pemohon ini telah menyatakan tidak ada kemampuan mereka untuk membayar premium tambahan dan premium denda untuk kada-kadar yang ditetapkan di sesetengah negeri. Di Bawah Rancangan Malaysia Kedua telah ditetapkan iaitu Lembaga hendaklah mencapai matlamat sejumlah 120000 ekar tanah ditanam semula pada tiap-tiap tahun. Matlamat ini telah tidak dapat dicapai kerana kelulusan yang diberi hingga akhir bulan Jun 1972 ialah untuk 134000 ekar sahaja (dalam tempoh 18 bulan). Oleh kerana masalah penukaran syarat nyata adalah satu daripada sebab-sebab yang utama yang menghalang Lembaga tersebut daripada mencapai matlamatnya maka pihak Kementerian telah membuat permohonan ini kepada Negeri Kelantan untuk dipertimbangkan.

2. Bagaimana yang diketahui Kerajaan Negeri telah pun menetapkan tentang bayaran premium tambahan kerana penukaran jenis tanaman dalam pengedaran pejabat ini bil 1/1971 yang mana telah dipinda oleh

pengedaran tanaman semula, bahkan ialah nagi maksud penukaran jenis tanaman yang dibuat oleh sesiapa sahaja walaupun tidak ada kena mengena dengan rancangan yang dibuat semula.

3. Kerajaan Negeri telah menimbang permohonan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Utama yang disebut di perenggan I di atas dan telah membuat keputusan (dalam Kertas bil 21/970/72 III (49)) berpandu kepada bayaran premium tambahan yang disebut di perenggan 2 di atas dengan sedikit pindaan. Keputusan tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Premium Tambahan hendaklah ditetapkan sebagai \$10.00 seekar. (Wang ini boleh dikira sebagai belanja memproses permohonan-permohonan sahaja);
- (ii) Premium denda tidak dikenakan langsung;
- (iii) Jika sekiranya tanah itu telah ditanam dengan jenis tanaman yang dipohon dengan baka yang diakui baik oleh Lembaga dan tidak dikehendaki dua kali ganda daripada kadar di atas.

4. Pengecualian ini harus dikaji semula pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua oleh kerana tujuan pihak Kementerian tersebut Cuma berkehendak supaya pengecualian ini dikuatkuasakan di dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dan akan mengkajinya semula sebelum Rancangan Malaysia Ketiga.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU:

PTG.Kn.Sulit Bil. 3/72/(16)